

17 NOV 2003

ABDULLAH-EKONOMI

K'JAAN AKAN TERUS URUSKAN EKONOMI SECARA BERHEMAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan terus menguruskan ekonomi secara berhemat bagi memastikan asas ekonomi makro yang kukuh seperti kadar inflasi yang rendah, tabungan yang mencukupi dan kedudukan imbalan pembayaran yang sihat.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga akan memastikan kadar pertukaran yang stabil dan pengurusan kewangan dan fiskal yang baik.

Abdullah berkata usaha mengukuhkan ketahanan ekonomi akan dilaksanakan termasuk usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi, membangunkan sektor kewangan dan pasaran modal yang lebih cekap serta memperbaiki pengurusan risiko dan tadbir urus korporat.

Ketika membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Negara hari ini, beliau berkata prospek pertumbuhan ekonomi dijangka lebih baik untuk dua tahun hadapan.

Abdullah, yang juga Menteri Kewangan, berkata KDNK sebenar dijangka tumbuh pada kadar purata 6 peratus setahun.

Berdasarkan kadar pertumbuhan itu, keluaran negara kasar (KNK) per kapita akan meningkat kepada RM15,600 dan daripada segi kuasa beli pariti mencapai AS\$10,400 pada tahun 2005.

Abdullah berkata pertumbuhan ekonomi dijangka disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri akibat kesan "wealth effect" daripada kenaikan pasaran saham, kegiatan hartanah yang berterusan serta pemulihan ekonomi dunia secara keseluruhan.

Dengan adanya landasan ekonomi kukuh, usaha akan ditumpukan ke arah mempromosikan pelaburan dalam negeri terutamanya pelaburan daripada pihak swasta, kata beliau.

Selain itu, katanya, usaha bersepadu untuk memajukan perusahaan kecil dan sederhana akan dilaksanakan termasuk memudahkan akses terhadap kemudahan pembiayaan, memperbaiki kemahiran teknologi, menggalakkan penggunaan ICT serta meningkatkan mutu keluaran.

Perdana Menteri berkata kerajaan terus mengalu-alukan pelaburan asing langsung (FDI) tetapi lebih berminat kepada pelaburan pada tahap lebih tinggi dalam rangkaian nilai supaya ia dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing dan daya tahan negara.

Abdullah berkata kerajaan tetap menyediakan insentif berpakej serta insentif khusus dan bantuan bukan cukai untuk menggalakkan perkembangan pelaburan sedia ada atau untuk mewujudkan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru dan strategik.

Katanya, dengan pulihnya pelaburan swasta, kerajaan akan mengurangkan pelaburan awam kembali ke tahap yang lebih mapan dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Penggunaan awam dijangka terus kukuh apabila kerajaan meningkatkan tahap perkhidmatan untuk memenuhi permintaan rakyat yang kian meningkat," katanya.

Perdana Menteri berkata penggunaan swasta akan meningkat berikutan keyakinan pengguna dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi manakala eksport dijangka bertambah dengan prospek perdagangan dunia yang semakin baik di samping lebih banyak produk dan perkhidmatan yang diusahakan.

Abdullah berkata sektor pelancongan, pendidikan, pengangkutan, kewangan, kesihatan dan perkhidmatan profesional akan menjadi sektor eksport yang semakin penting selain sektor pembuatan yang sekian lama

menjadi tunggak pengeluaran negara.

Menurut laporan World Competitiveness Report 2003, Malaysia menduduki tangga keempat negara paling berdaya saing di kalangan negara berpenduduk lebih 20 juta.

"Namun begitu, kita tidak boleh berasa selesa dan alpa dengan pencapaian tersebut. Pengeluar-pengeluar Malaysia perlu meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos supaya mampu bersaing di arena global," katanya.

Perdana Menteri berkata firma seharusnya meningkatkan produktiviti keluaran dan kemampuan mencipta kerana ini akan membolehkan pembangunan produk berjenama sendiri yang menghubungkan kualiti dengan produk keluaran Malaysia.

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan akan terus mewujudkan suasana mesra perniagaan dengan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, memperbaiki insentif dan infrastruktur serta menyediakan tenaga kerja mahir. -- BERNAMA

MKO AA